
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

HST 121 – TANAH BESAR ASIA TENGGARA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Dengan merujuk kepada mana-mana negara di Tanah Besar Asia Tenggara sejauh manakah keadaan sosio-politiknya berada dalam kemerosotan menjelang kedatangan barat?
2. Bincangkan pengaruh China di Tanah Besar Asia Tenggara pada abad ke-19. Sejauh manakah pengaruh ini masih kelihatan menjelang perang dunia pertama?
3. "Rama 5 kerap disebut sebagai raja Chakri yang telah membawa permodenan ke Siam." Bincangkan.
4. "Kegagalan petani-petani Vietnam untuk menikmati kehidupan yang lebih baik di bawah pentadbiran Perancis berkait rapat dengan sikap mereka sendiri." Bincangkan.
5. "Pendudukan Jepun turut bertanggungjawab kepada masalah-masalah etnik dan perpaduan kaum di Tanah Besar Asia Tenggara." Bincangkan.
6. Bincangkan kegagalan Ngo Dinh Diem membendung pengaruh komunis di selatan Vietnam.
7. "Orang-orang Islam sentiasa dilayan sebagai warganegara kelas 2." Bincangkan dengan merujuk sama ada kepada Thailand atau Myanmar selepas 1945.